




Inisiatif dan Impak Pelaksanaan
FOCUS GROUP
PENGURUSAN PENSIJILAN HALAL



MAMPU

BERSAMA MELAKSANA TRANSFORMASI[®]



Inisiatif dan Impak Pelaksanaan

FOCUS GROUP

PENGURUSAN PENSIJILAN HALAL



BERSAMA MELAKSANA TRANSFORMASI[®]

ASPIRASI

PENGERUSI

FOCUS GROUP PENGURUSAN PENSIJILAN HALAL

Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh

Salam Kegemilangan

Salam 1 Malaysia :


Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan inayahNya jua, *Focus Group* Pengurusan Pensijilan Halal (FGPPH) telah berjaya menerbitkan *booklet* Inisiatif dan Impak Pelaksanaan FGPPH.

Booklet ini diterbitkan bertujuan untuk menghebahkan maklumat mengenai pelaksanaan FGPPH yang memfokuskan kepada peningkatan kecekapan dan keberkesanan pengurusan pensijilan halal di Malaysia.

Ia juga dapat dijadikan panduan dan sumber rujukan kepada pemohon-pemohon yang ingin mendapatkan sijil halal bagi premis ataupun produk selain menjadi sumber alternatif capaian maklumat mengenai FGPPH.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha merealisasikan penerbitan *booklet* ini. Semoga objektif penerbitan *booklet* ini dapat dicapai dengan jayanya.



DATO' MOHAMAD ZABIDI ZAINAL
Pengerusi
Focus Group
Pengurusan Pensijilan Halal

Februari 2012

Isi Kandungan

Pengenalan	[2]
Badan Pengeluar Sijil Pengesahan Halal Di Malaysia	[3]
Akta Yang Terpakai Dalam Pensijilan Halal Malaysia	[4]
<i>Focus Group</i> Pengurusan Pensijilan Halal (FGPPH)	[5]
Penubuhan <i>Focus Group</i> Pengurusan Pensijilan Halal	[6]
Metodologi Pelaksanaan FGPPH	[7]
Pelaksanaan Penambahbaikan Inisiatif FGPPH	[10]
Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM)	[13]
Kelebihan Dan Keperluan SPHM	[14]
Cara - cara Permohonan SPHM	[15]
Kadar Bayaran Yuran Pensijilan Halal Malaysia	[16]
Jenis-jenis Ketidakkakuran Dalam Pengauditan SPHM	[17]
Statistik Permohonan Dan Kelulusan SPHM (2009 - 2010)	[19]
Syarat Penggunaan Sijil Dan Logo SPHM	[20]
Promosi, Hebahan Dan Latihan Dalam Pensijilan SPHM	[21]
Isu Dan Cabaran Dalam Pengurusan Pensijilan Halal Malaysia	[21]
Penyemakan Status Pensijilan SPHM	[22]
Saluran Pengaduan Awam Berkaitan Pengurusan Pensijilan Halal Malaysia	[22]

“Halal is an important agenda in our New Economic Model (NEM) that the Government recently launched. For Malaysia, the value proposition of Halal is in the fact that it is as much driven by the bigger corporations as it is by the Small Medium Enterprise (SMEs)....”

(Petikan ucapan Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia sempena
The Seventh International Halal Showcase, MIHAS 2010)



Akta Yang
Terpakai Dalam
Pensijilan Halal
Malaysia



Badan Pengeluar
Sijil Pengesahan
Halal Di Malaysia

PENGENALAN

1

1974

- Pensijilan halal di Malaysia bermula pada tahun 1974 apabila Pusat Penyelidikan, Bahagian Hal Ehwat Islam (BAHEIS), Jabatan Perdana Menteri mengeluarkan surat pengesahan halal kepada produk - produk yang memenuhi kehendak syarak.

1994

- Pengesahan halal mula diberi dalam bentuk sijil pengesahan beserta logo halal.

1998

- Kerajaan Malaysia melantik Syarikat Ilham Daya untuk menjalankan pemeriksaan halal manakala Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mengeluarkan sijil pengesahan halal.

2008

- Pengurusan pensijilan halal Malaysia dikendalikan oleh Halal Industry Development Corporation Sdn. Bhd

2009-kini

Tanggungjawab pengeluaran pensijilan halal telah secara rasminya dikembalikan kepada JAKIM pada 1 Ogos 2009

Akta Perihal Dagangan (Penandaan Makanan) 1972 (APD 1972) telah dipinda untuk menamakan JAKIM, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)/Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) sebagai badan pengeluar tunggal pensijilan halal di Malaysia.

Sebelum APD 1972 dipinda

Badan Pengeluar Sijil Halal di Malaysia terdiri daripada JAKIM dan MAIN/ JAIN. Walau bagaimanapun, terdapat juga badan swasta yang mengeluarkan sijil halal seperti Bahtera Lagenda, IFANCA, International Islamic Food Research Centre Asia (IFRC-Asia) dan International Halal Food Council (IHFC)



Selepas APD 1972 dipinda


Berkuatkuasa mulai
1 Januari 2012
hanya logo halal Malaysia yang dikeluarkan oleh JAKIM dan MAIN/JAIN diterima pakai dan sah digunakan untuk semua produk, premis makanan dan perkhidmatan premis yang memohon pensijilan halal Malaysia.

Dalam pengurusan pensijilan halal oleh JAKIM/MAIN/JAIN, beberapa undang-undang dan akta berikut telah diguna pakai, iaitu:

- ➔ Akta Perihal Dagangan 1972 dan Perintah Perihal Dagangan 1975 (sehingga 31 Disember 2011) yang menjelaskan takrif halal dan penyediaan makanan halal dari segi hukum syarak serta kesalahan pemalsuan bahan mentah dan dokumen halal yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK);
- ➔ APD 2011, Perintah Perihal Dagangan Takrifan Halal 2011 dan Perintah Perihal Dagangan Perakuan dan Penandaan Halal 2011;
- ➔ Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985 berhubung pelabelan, amalan kebersihan dan keselamatan makanan yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
- ➔ Akta Binatang 1953 (Semakan 2006), Akta Rumah Penyembelihan (Penswastaaan) 1993 dan *Animals Rules 1962*, *Animals (Importation) Order 1962* berhubung penternakan haiwan dan kawalan penyakit oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV);
- ➔ Akta Kastam 1967 Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 1998 berhubung import daging halal oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia; Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997- Penandaan makanan halal oleh Jabatan Agama Islam Negeri;
- ➔ Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Sarawak, 2001, Enakmen Majlis 2004 (Sabah), Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri;
- ➔ Akta Racun 1952 dan Peraturan Kawalan Dadah & Kosmetik 1984 (pindaan 2010);
- ➔ Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Undang-undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan; dan
- ➔ Akta Cap Dagangan 1976 oleh KPDNKK.

“ The Global Halal products market is estimated at USD 2.3 trillion, not including banking. Research by The World Halal Forum secretariat found 67 percent, or USD 1.4 trillion, of this market is comprised of food and beverage. Pharmaceuticals make up 22 percent or USD 506 billion, with cosmetics and personal care totalling us 230 billion. If we include the services sector for Halal, and we should give this serious consideration, the potential size of the total market is astronomical...”

(Petikan ucapan Y.A.B Perdana Menteri Malaysia sempena World Halal Forum 2010)



FGPPH

(Focus Group Pengurusan Pensijilan Halal)

2

Mesyuarat Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) Bilangan 6 Tahun 2009 pada 30 Jun 2009 telah memutuskan supaya MAMPU menerajui perbincangan dengan HDC dan pihak-pihak berkaitan untuk menyelesaikan isu-isu pensijilan halal bagi sektor hotel dan perkilangan.



MAMPU telah menubuhkan *Focus Group* Pengurusan Pensijilan Halal (FGPPH) pada 6 Julai 2009 dan peranan FGPPH telah diperluas ke semua sektor industri berkaitan halal khususnya.

Keahlian FGPPH

Pengerusi:

Ketua Pengarah MAMPU

Timbalan Pengerusi:


Timbalan Ketua Pengarah (PT), MAMPU

Ahli:

- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM);
- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK);
- Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI);
- Kementerian Pelancongan Malaysia (MOTOUR);
- Halal Industry Development Corporation (HDC);
- Small and Medium Enterprise Corporation Malaysia (SME Corp);
- Malaysian Employers Federation (MEF);
- Federation of Malaysian Manufacturers (FMM);
- Malaysian Association of Hotel Owners (MAHO); dan
- Malaysian Association of Hotels (MAH).

Objektif FGPPH

- Meneliti semula dasar dan peraturan yang berkait rapat dengan Pengurusan Pensijilan Halal yang dikendalikan oleh HDC (2008-2009), JAKIM, MAIN dan JAIN.
- Mencadangkan penambahbaikan untuk mempercepatkan proses dan prosedur pensijilan halal.
- Memantau pelaksanaan inisiatif-inisiatif pensijilan halal.



Kekerapan Mesyuarat FGPPH

Sejak penubuhan FGPPH pada 6 Julai 2009 sehingga Disember 2011, MAMPU selaku sekretariat telah berjaya mengadakan sebanyak 17 kali mesyuarat dengan melibatkan keputusan-keputusan penting dalam menambahbaik pengurusan pensijilan halal di Malaysia.

Pemudahcara

FGPPH melalui sekretariat MAMPU juga bertindak sebagai pemudahcara dalam perkara berkaitan pengurusan pensijilan halal di Malaysia di mana terdapat beberapa pemohon yang menyalurkan permohonan ataupun aduan melalui mesyuarat FGPPH dan MAMPU.

Pemohon	Saluran Permohonan / Aduan	Tindakan Susulan
Hotel Grand Season	Pemohon mengemukakan aduan kepada MAHO melalui suratnya pada 28 September 2009. MAHO memanjangkan aduan kepada MAMPU pada 7 Oktober 2009.	MAMPU telah menyelesaikan isu-isu berbangkit melalui <i>Mystery Shopping</i> yang dijalankan di premis-premis berkenaan.
Syarikat Oleon Sdn. Bhd.	Pengadu mengemukakan surat kepada Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) pada 19 Ogos 2009 di atas kelewatan mendapat pensijilan halal.	



Mystery Shopping

Berdasarkan aduan berkenaan pengurusan pensijilan halal yang diterima daripada ahli jawatankuasa FGPPH, MAMPU telah melaksanakan *Mystery Shopping* terhadap pengeluar sijil halal dan pengadu itu sendiri. Antara modus operandi yang terlibat semasa *Mystery Shopping* tersebut adalah dengan mengadakan temubual dan perbincangan bersama pengadu dan JAKIM/MAIN/ JAIN, membuat semakan fail permohonan dan sistem e-Halal dan mengadakan lawatan mengejut ke pusat operasi pengadu. Melalui pelaksanaan *Mystery Shopping* yang dijalankan oleh MAMPU ini, satu pelan tindakan telah dikenal pasti untuk menambah baik pengurusan pensijilan halal sama ada di peringkat pemohon (industri secara khususnya) dan pihak pengeluar sijil halal iaitu JAKIM/ MAIN/ JAIN.

Pengadu	Aduan	Tarikh Mohon	Tarikh Lulus	<i>Mystery Shopping</i>	Tindakan Susulan
Hotel Grand Season	Kelewatan Memproses Permohonan Sijil Halal	27 Mac 2007	29 Oktober 2009	11 November 2009	JAKIM mengemaskini prosedur kerja yang standard dan senarai semak tatacara proses pengauditan yang seragam kepada pegawai audit JAKIM.
Keropok House Dungun Gallery	Kesukaran Mendapatkan Sijil Halal	8 Jun 2011	11 Ogos 2011	5 Jun 2011	Jawatankuasa antara SME Corp. dan JAKIM telah diwujudkan pada Oktober 2011 untuk mengenalpasti dan menyelesaikan isu-isu yang dibangkitkan oleh pengusaha Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) dan Industri Kecil & Sederhana (IKS).
KY Food Industries Sdn. Bhd.		9 Jun 2011	7 Ogos 2011		



Perekayasaan Proses dan Prosedur Kerja

Hasil daripada pelaksanaan makmal Perekayasaan Proses dan Prosedur Kerja terhadap pengurusan pensijilan halal di JAKIM yang telah dijalankan oleh MAMPU, beberapa proses kerja telah ditambah baik seperti dalam jadual yang berikut:

Proses dan Prosedur Kerja	Tempoh	
	Sebelum	Selepas
Audit Hotel dan Premis Makanan	30 hingga 90 hari	14 hingga 30 hari
Proses Kerja Pengauditan Rumah Penyembelihan	90 hari	30 hari
Permohonan Sijil Halal	90 hari	30 hari
Proses Audit Produk Makanan	14 hari	3 hari

Showcase

Urus setia FGPPH (MAMPU) telah mengadakan *Showcase* Pensijilan Halal IKS Terengganu pada 14 Ogos 2011 (Ahad) di Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JaHEAT). *Showcase* tersebut turut disertai oleh JaHEAT, JAKIM, SME Corp., Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu dan HDC.

Audit Lapangan

Tujuan audit:

Tujuan pembaharuan tempoh sah laku Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM)

Tempat:

Hotel The Legend, Kuala Lumpur (3 September 2009)

Dapur yang diaudit:

Di-Atas Brasserie Coffehouse
Museum Chinese Restaurant

Pegawai terlibat:

Pegawai MAMPU dan Pegawai Audit JAKIM

Penambahbaikan Yang Telah Dilaksanakan

- ✓ Penyediaan panduan mengisi borang permohonan bagi memudahkan pelanggan memahami tataranya dengan lebih jelas selain bergantung kepada pegawai yang bertanggungjawab di Bahagian Hab Halal JAKIM;
- ✓ Panduan mengisi borang permohonan *online* dan contoh templat borang permohonan yang lengkap telah dimuat naik dalam portal Halal;
- ✓ Penggunaan dwibahasa (Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris) di portal Halal;
- ✓ Menyediakan senarai semak yang standard bagi semakan, pelaporan audit lapangan dan pemantauan secara generik/ standard/ seragam;
- ✓ *Standard Operating of Procedure* (SOP) pengauditan telah dikemaskini yang mengandungi senarai semak dan terma rujukan keperluan pematuhan pensijilan halal berdasarkan syariah dan teknikal;
- ✓ Audit Pematuhan (*Compliance Audit*) akan dimaklumkan dalam tempoh 1 minggu sebelum tarikh audit; dan
- ✓ Mesyuarat Panel Pengesahan Halal Malaysia dilaksanakan 2 minggu sekali berbanding 1 bulan sekali sebelum ini.

Penambahbaikan Yang Sedang Dilaksanakan

- ✓ Notifikasi pembaharuan SPHM melalui emel dan Sistem Pesanan Ringkas (SMS) seawal 6 bulan sebelum tarikh luput sijil.

Penambahbaikan Yang Akan Dilaksanakan

- ✓ Tempoh sah laku SPHM dipanjangkan bagi syarikat multinasional. Cadangan untuk memberi pilihan tempoh sah laku SPHM dari 2 hingga 5 tahun kepada permohonan pembaharuan oleh syarikat multinasional dengan syarat JAKIM perlu mengadakan sesi pemantauan yang lebih kerap terhadap pemohon.

PERKARA	SEBELUM	SELEPAS	TERMA DAN SYARAT
PERMOHONAN BAHARU (Pemohon kali pertama) Kategori: • Produk; • Premis; • Rumah Sembelih; dan • Logistik.	90 hari bekerja	30 hari bekerja selepas bayaran yuran	1) Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan yang lengkap secara <i>online</i> di www.halal.gov.my ; 2) Pemohon hendaklah mengemukakan dokumen sokongan yang lengkap dalam tempoh 5 hari bekerja selepas penghantaran borang; 3) Yuran hendaklah dijelaskan dalam tempoh 14 hari bekerja; dan 4) Tiada notis ketidakakuran (<i>non-comformance</i>) semasa audit lapangan dijalankan.

TAMBAH PRODUK/ MENU (produk/ menu baharu menggunakan bahan ramuan baharu) Kategori: • Produk; dan • Premis.	90 hari bekerja	30 hari bekerja selepas bayaran yuran	1) Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan yang lengkap secara <i>online</i> di www.halal.gov.my ; 2) Pemohon hendaklah mengemukakan dokumen sokongan yang lengkap dalam tempoh 5 hari bekerja selepas penghantaran borang; 3) Yuran hendaklah dijelaskan dalam tempoh 14 hari bekerja; dan 4) Tiada notis ketidakakuran (<i>non-comformance</i>) semasa audit lapangan dijalankan.
--	-----------------	---------------------------------------	--

PEMBAHARUAN (dengan perubahan nama produk/menu atau bahan ramuan atau pengeluaran) Kategori: • Produk; • Premis; dan • Logistik.	90 hari bekerja	30 hari bekerja selepas bayaran yuran	1) Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan yang lengkap secara <i>online</i> di www.halal.gov.my ; 2) Pemohon hendaklah mengemukakan dokumen sokongan yang lengkap dalam tempoh 5 hari bekerja selepas penghantaran borang; 3) Yuran hendaklah dijelaskan dalam tempoh 14 hari bekerja; dan 4) Tiada notis ketidakakuran (<i>non-comformance</i>) semasa audit lapangan dijalankan.
--	-----------------	---------------------------------------	--

KONTRAK PENGELUARAN (bagi produk sedia ada yang telah disahkan halal) Kategori: • Produk.	90 hari bekerja	7 hari bekerja selepas bayaran yuran	1) Terbuka kepada pengilang yang mempunyai Sijil Pengesahan Halal Malaysia sahaja; 2) Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan yang lengkap secara <i>online</i> di www.halal.gov.my ; 3) Pemohon hendaklah mengemukakan dokumen sokongan yang lengkap dalam tempoh 5 hari bekerja selepas penghantaran borang; dan 4) Yuran hendaklah dijelaskan dalam tempoh 14 hari bekerja.
---	-----------------	--------------------------------------	---

PERKARA	SEBELUM	SELEPAS	TERMA DAN SYARAT
<p>PEMBAHARUAN (tanpa sebarang pindaan nama produk/ menu atau bahan ramuan atau pembekal)</p> <p>Kategori:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Produk; • Premis; dan • Logistik. 	90 hari bekerja	1 hari bekerja selepas bayaran yuran	<ol style="list-style-type: none"> 1) Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan yang lengkap secara <i>online</i> di www.halal.gov.my; 2) Pemohon hendaklah mengemukakan dokumen sokongan yang lengkap dalam tempoh 5 hari bekerja selepas penghantaran borang; 3) Yuran hendaklah dijelaskan dalam tempoh 14 hari bekerja; 4) Pemohon hendaklah melampirkan Surat Aku Janji sebagai bukti; 5) Bagi premis, permohonan terbuka kepada premis yang mempunyai dapur utama dan outlet makanan yang telah disahkan halal sahaja; dan 6) Pemohon hendaklah mempunyai rekod pensijilan halal yang baik

<p>PINDAAN SIJIL</p> <p>Kategori:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Produk; • Premis; • Rumah Sembelih; dan • Logistik. 	Tiada	1 hari bekerja selepas bayaran yuran	<ol style="list-style-type: none"> 1) Pemohon hendaklah mengemukakan surat permohonan secara rasmi; 2) Yuran hendaklah dijelaskan dalam tempoh 14 hari; dan 3) Dokumen sokongan berikut hendaklah dikemukakan: <ol style="list-style-type: none"> a) Pindaan nama produk <ul style="list-style-type: none"> - Salinan asal SPHM b) Pertukaran nama syarikat tanpa melibatkan pertukaran alamat atau nama produk <ul style="list-style-type: none"> - Salinan asal SPHM - Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat - Salinan lesen perniagaan dari Pihak Berkuasa Tempatan c) Sijil hilang/ rosak <ul style="list-style-type: none"> - Salinan laporan polis - Salinan sijil asal (jika ada)
---	-------	--------------------------------------	---

<p>PENGELUARAN SIJIL PENGESAHAN HALAL MALAYSIA</p> <p>Kategori:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Produk; • Premis; • Rumah Sembelih; dan • Logistik. 	7 hari bekerja selepas keputusan Mesyuarat Panel Pengesahan Halal JAKIM	5 hari bekerja selepas keputusan Mesyuarat Panel Pengesahan Halal JAKIM	Tidak berkenaan
---	---	---	-----------------

“ Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 8 Julai 2009 telah bersetuju supaya pengurusan pensijilan halal Malaysia diserahkan kembali kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai badan tunggal pensijilan halal Malaysia meliputi pensijilan halal di dalam dan luar Negara..“

(Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 Julai 2009)





Setiap permohonan pensijilan halal Malaysia hendaklah dipohon terus secara *online* melalui portal halal www.halal.gov.my dan tidak perlu menggunakan kaedah manual.



Permohonan Pensijilan Halal Malaysia Secara **Online**

Sistem e-Halal



www.halal.gov.my

- ✓ Yuran pensijilan adalah bagi tempoh 2 tahun.
- ✓ Yuran dicaj bagi kategori permohonan yang berikut :
 - (a) Permohonan Baharu;
 - (b) Pembaharuan;
 - (c) Tambahan Produk; dan
 - (d) Tambahan *Outlet/Dapur*

Kategori : Produk / Barang Gunaan

Industri kecil	Industri kecil & Sederhana	Industri Multi Nasional
RM200.00	RM800.00	RM1,400.00

Industri	Ciri-ciri
Kecil	<ul style="list-style-type: none"> • Nilai jualan tahunan kurang dari RM500,000.00; dan • Pekerja kurang dari 50 orang.
Kecil dan Sederhana	<ul style="list-style-type: none"> • Nilai jualan tahunan RM500,000.00 hingga RM25 juta; dan • Pekerja 50 hingga 150 orang.
Multi Nasional	<ul style="list-style-type: none"> • Nilai jualan tahunan melebihi RM25 juta; • Secara global dan mempunyai rangkaian di beberapa buah negara; dan • Pekerja melebihi 150 orang.

Kategori : Rumah Sembelih

Kecil	Sederhana	Besar
RM200.00	RM800.00	RM1,400.00

Saiz Premis	Ayam (dan atau sejenisnya)	Kambing (dan atau sejenisnya)	Lembu (dan atau sejenisnya)
Kecil	< 2,000	< 500	< 50
Sederhana	2,000-3,000	500-700	50-100
Besar	>3,000	>700	>100

*penetapan kadar yuran mengikut jumlah sembelihan sehari

Kategori : Premis Makanan/ Dapur Hotel

RM200.00 bagi setiap unit / cawangan / dapur

*Permohonan dapur hotel dibenarkan mengisi maklumat ramuan secara pukaal mengikut setiap dapur yang dipohon

Jenis-jenis Ketidakakuran Dalam Pengauditan SPHM

Pemerhatian

- Cadangan yang diberikan untuk tujuan penambahbaikan

Kecil

- Penyimpangan daripada standard yang tidak mungkin menyebabkan pengurangan kemampuan untuk memenuhi keperluan halal atau keselamatan makanan.
- Tindakan pembetulan segera perlu dibuat dalam tempoh 14 hari bekerja

Besar

- Penyimpangan yang signifikan daripada standard sehingga menyebabkan pelaksanaan sesebuah sistem tergendala. Ia merupakan risiko yang tidak dapat diterima tetapi bukan menunjukkan kegagalan keseluruhan sistem.
- Tempoh masa untuk pembetulan ialah 1 hingga 6 bulan.

Serius

- Penyimpangan yang jelas daripada standard sehingga menjejaskan sistem. Ia merupakan kegagalan yang signifikan dalam sistem dan memberi kesan kepada keselamatan makanan.
- Tempoh masa maksimum untuk pembetulan ialah 6 bulan atau permohonan tidak berjaya.

Contoh-contoh Ketidakakuran Dalam Pengauditan SPHM

Bahan Ramuan

Bahan ramuan/ mentah berasaskan haiwan tiada sijil pengesahan halal.

Bahan ramuan tidak diisytihar dalam borang permohonan.

Sijil halal bahan ramuan dari badan Islam yang tidak diiktiraf.

Produk mengandungi bahan ramuan tidak halal.

Tiada pengasingan antara bahan makanan dan agen pembersihan dan sanitasi.

Kawalan MakhluK Perosak

Tiada program kawalan makhluK perosak.

Tidak menjalankan kawalan makhluK perosak.

Pekerja

Pekerja memakai perhiasan diri di kawasan pemprosesan.

Terdapat makanan dan minuman pekerja di kawasan pemprosesan.

Barangan peribadi atau pakaian disimpan di tempat pemprosesan makanan.

Pekerja memakai pakaian yang tidak sesuai contohnya memakai singlet, seluar pendek dan selipar.

Pekerja tidak mendapatkan vaksinasi (suntikan *antithyphoid*)/ rekod suntikan telah tamat tempoh.

Tidak memakai pakaian pelindung iaitu baju luar, penutup kepala, sarung tangan, apron, penutup mulut (*mask*) dan kasut di kawasan pemprosesan.

Pekerja merokok di kawasan premis.

Pekerja tidak mengikuti kursus pengendalian makanan.

Premis

Terdapat lubang pada siling di kawasan pemprosesan.

Susun atur peralatan dan barangan berselerak.

Kawasan premis tidak berpagar.

Terdapat binatang di kawasan premis.

Pekerja tinggal di kawasan premis.

Premis tidak dicuci dan diselenggara dengan baik.

Lampu di kawasan pemprosesan tidak berpenutup.

Ruangan lantai di kawasan pemprosesan berlubang dan pecah.

Tandas terbuka secara langsung dengan kawasan pemprosesan dan penyimpanan.

Kawalan Operasi

Tiada pengasingan antara produk siap dan bahan mentah.

Percampuran arak dan ramuan yang meragukan di kawasan pemprosesan atau penyediaan makanan.

Percampuran bahan ramuan halal dan tidak halal dalam stor penyimpanan yang sama (hotel).

Laluan arak berkongsi dengan laluan dapur halal (hotel).

Penggunaan peralatan tidak halal di kawasan premis.

Bahan mentah dan produk diletak secara terus di atas lantai (tiada penggunaan *pallet*).

Tong sampah tidak berpenutup/ pengurusan sisa buangan yang tidak berkesan.

Sistem/ Prosedur Halal

Pemprosesan produk halal dan tidak halal.

Laluan keluar masuk bagi dapur halal dan tidak halal adalah sama (hotel).

Tiada jawatankuasa audit halal dalaman/ eksekutif halal.

Terdapat penyalahgunaan logo di dapur atau restoran yang tidak mendapat pengesahan halal.

Penggunaan istilah yang sinonim dengan istilah yang menggelirukan seperti *bacon, hot dog, siu mai, bak kut teh*.

Terdapat alat penyembahan agama di kawasan pemprosesan.

Menjalankan pemprosesan produk kontrak luar yang tidak halal.

Pembungkusan dan pelabelan tidak menepati syarak.

Terdapat penyalahgunaan logo halal pada produk yang tidak mendapat pengesahan halal.

Rumah Sembelih

Penyembelih tidak mempunyai tauliah penyembelih yang sah.

Tidak menempatkan halal *checker* di kawasan penyembelihan.

Tiada pengasingan antara sembelihan sempurna dengan tidak sempurna.

Pisau sembelihan tumpul dan kotor.

Pengendalian tempat sembelihan kotor.

Penggunaan kawalan voltan tidak menepati had yang ditetapkan.

Statistik Permohonan dan Kelulusan SPHM (Tahun 2009 hingga 2010)

Hasil daripada tindakan penambahbaikan yang berterusan terhadap pengurusan pensijilan halal di Malaysia, FGPPH telah berjaya meningkatkan jumlah permohonan dan kelulusan. Walau bagaimanapun, bagi permohonan yang gagal, pemohon boleh memohon semula kepada JAKIM dengan merujuk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh JAKIM.



Perkara	Tahun	
	2009	2010
Permohonan lulus	1,251 (91.92%)	1,806 (90.3%)
Permohonan gagal	88	158
Permohonan dibawa ke tahun berikutnya	22	36
Jumlah permohonan	1,361	2,000

- Permohonan lulus
- Permohonan gagal
- Permohonan dibawa ke tahun berikutnya
- Jumlah permohonan

Syarat Penggunaan Sijil dan Logo SPHM

- ▶ SPHM dan Logo Halal Malaysia tidak boleh diniaga, ditukar milik atau dipinda isi kandungannya;
- ▶ Penggunaan SPHM ini tertakluk kepada semua undang-undang atau peraturan berkaitan yang diamalkan di negara ini;
- ▶ Sebarang perubahan ke atas nama syarikat, kilang/premis dan alamatnya, jenama barang, bahan ramuan dan pembekal-pembekalnya serta apa jua yang berkaitan dengannya, hendaklah dimaklumkan kepada Ketua Pengarah JAKIM secara bertulis untuk makluman dan tindakan selanjutnya;
- ▶ Pemegang sijil adalah bertanggungjawab ke atas apa-apa penyalahgunaan atau penyelewengan sijil tersebut, tertakluk kepada undang-undang yang berkuatkuasa. Jika berlaku kehilangan atau kerosakan ke atas sijil berkenaan hendaklah diberitahu secara bertulis dengan segera kepada Ketua Pengarah JAKIM;
- ▶ SPHM berkenaan boleh ditarik balik atau ditamatkan tempoh sahnya pada bila-bila masa apabila didapati menyalahi piawai halal yang telah ditetapkan atau terdapat perkara atau cara pengendalian yang meragukan dari segi syarak;
- ▶ Semua pemilik SPHM yang sah bagi sesuatu barangan atau premis dibenarkan mengguna Logo Halal Malaysia (seperti yang terdapat pada sijil berkenaan) pada barangan atau premis;
- ▶ SPHM yang asal hendaklah dipamerkan; dan
- ▶ Penggunaan logo perlu disertai dengan nombor rujukan dan nombor standard yang berkaitan.

Kronologi Penggunaan Logo SPHM



Promosi, Hebahan dan Latihan Dalam Pensijilan SPHM



Hebahan melalui media cetak dan elektronik



Menerbitkan pelbagai jenis brosur untuk edaran kepada pelanggan dan pengguna



Menyertai pameran di peringkat nasional dan antarabangsa



Menjalankan latihan kepada pegawai MAIN/JAIN



Menerbitkan direktori halal dengan kerjasama agensi tertentu



Mengadakan kempen 1Malaysia 1Halal



Ekspektasi pelanggan yang menjadikan Sijil Pengesahan Halal sebagai *commercial tool* dalam perniagaan



Ekspektasi pengguna Islam yang mahukan informasi halal yang tepat dan cepat



Ekspektasi *stakeholders* yang mahu menjadikan Malaysia sebuah hab halal dunia



Penyalahgunaan dan pemalsuan sijil dan logo



Tekanan perdagangan antarabangsa terhadap piawaian pensijilan halal Malaysia

Isu dan Cabaran dalam Pengurusan Pensijilan SPHM

➤ Pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia

- Log masuk ke akaun e-halal di www.halal.gov.my
- SMS dengan menaip HALAL jarak STATUS jarak No. permohonan
Contoh: HALAL STATUS 20091231101010 dan hantar ke 15888



mudah.ringkas

➤ Pengguna

- Semakan melalui Portal e-halal di www.halal.gov.my
- SMS dengan menaip HALAL jarak SEMAK jarak No. Pendaftaran Syarikat
Contoh: HALAL SEMAK 12345X hantar ke 15888

Atau berhubung terus dengan Bahagian Hab Halal JAKIM (03-83150200)

**Aduan Awam**

Sebarang pandangan, komen atau aduan berkenaan pensijilan halal boleh disalurkan melalui:

Portal Halal Malaysia: <http://www.halal.gov.my>



Surat ke alamat:

BAHAGIAN HAB HALAL,
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA,
ARAS BAWAH, BLOK 2200, ENTERPRISE BUILDING 3,
PERSIARAN APEC, 63000 CYBERJAYA, SELANGOR

Telefon : 03-83150200

Faks : 03-83187044

Emel : ehalal@islam.gov.my

Penghargaan

Pengerusi *Focus Group* Pengurusan Pensijilan Halal dan sidang redaksi merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih serta penghargaan kepada semua pihak khususnya

MAMPU

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)



Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)



Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)



Kementerian Pelancongan Malaysia

Kementerian Pelancongan Malaysia (MOTOUR)



Halal Industry Development Corporation

Halal Industry Development Corporation (HDC)



Small and Medium Enterprise Corporation Malaysia (SME Corp.)



Malaysian Employers Federation (MEF)



Federation of Malaysian Manufacturers (FMM)

maho
www.maho.org.my

Malaysian Association of Hotel Owners (MAHO)



Malaysian Association of Hotels (MAH)



Hak Cipta Terpelihara

© Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), 2012

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian daripada bahan cetakan ini atau memindahkannya ke dalam sebarang bentuk melalui sebarang cara, sama ada secara elektronik atau mekanik, termasuk fotokopi, rakaman atau sebarang bentuk sistem penyalin sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)



UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA

Jabatan Perdana Menteri
Aras 6, Blok B2, Kompleks Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya, Malaysia
Telefon: 603-8872 3000 Faks: 603-8888 3721
www.mampu.gov.my